Koleksi Cerita Kanak-Kanak

# Belalang Dan Semut



# TAJUK: Belalang dan Semut



Belalang berkawan baik dengan semut. Mereka bermain bersama-sama. Malah, makan pun bersama-sama.

Pada suatu hari, semut mengajak belalang mencari biji kacang. Belalang tidak mahu pergi. Belalang mahu tidur.



Belalang berkawan baik dengan semut. Mereka bermain bersama-sama. Malah, makan pun bersama-sama.

Pada suatu hari, semut mengajak belalang mencari biji kacang. Belalang tidak mahu pergi. Belalang mahu tidur.



"Musim tengkujuh akan tiba. Kita mesti menyimpan banyak bekalan," kata semut.

Tetapi belalang tidak mempedulikan cakap semut.



Setiap hari semut keluar mencari bekalan. Semut menyimpan makanan itu. Semut menyimpannya di dalam lubang kayu.

Akhirnya, tiba musim tengkujuh.



Hujan turun dengan lebat. Hujan turun tidak berhenti-henti. Sudah tiga hari hujan tidak berhenti. Paras air sungai makin naik.

Akhirnya, berlaku banjir.



Belalang berasa lapar. Tetapi belalang tidak mempunyai bekalan makanan.

Belalang pergi ke rumah semut. Belalang meminta makanan daripada semut. Semut tidak mahu memberikan makanan kepada belalang.



Belalang merayu kepada semut. Semut marah kepada belalang. Semut menyuruh belalang pulang dan tidur.

Belalang berasa malu kepada semut. Belalang sangat menyesal. Semenjak hari itu, belalang tidak mahu menjadi pemalas lagi.



## NILAI MURNI

Orang yang rajin berusaha tentulah akan hidup bahagia. Manakala orang yang malas berusaha pula tidak akan dapat menikmati kesenangan dalam hidup.